

BORANG 2

AKTA ANTIGANGGUAN SEKSUAL 2022

PERATURAN-PERATURAN ANTIGANGGUAN SEKSUAL
(TRIBUNAL BAGI ANTIGANGGUAN SEKSUAL) 2024

DALAM TRIBUNAL BAGI ANTIGANGGUAN SEKSUAL


DI NEGERI _____

MALAYSIA

NO. ADUAN: _____

PERNYATAAN PEMBELAAN

Nama Pengadu	:	
Nama Responden	:	
No. Kad Pengenalan Responden	:	
Alamat e-mel Responden	:	
No. Telefon/No. Telefon Bimbit Responden	:	
Alamat Responden	:	
Pekerjaan dan Alamat Pejabat Responden	:	
Pernyataan pembelaan:		



(METERAI)

Tandatangan/Cap ibu jari kanan dan
nama penuh Responden / Sahabat wakil
atau Penjaga *ad litem*

Setiausaha/ Kakitangan Tribunal

Tarikh:

Tarikh pemfailan:

ARAHAN KEPADA RESPONDEN:

1. Anda hendaklah mengisi semua maklumat dalam borang ini.
2. Anda hendaklah menyatakan dalam ruangan “Pernyataan pembelaan” sama ada anda mengakui atau mempertikaikan aduan gangguan seksual tersebut. Sekiranya anda mempertikaikan aduan tersebut, sila nyatakan butir-butir pembelaan secara terperinci dan lampirkan bersama salinan apa-apa bukti dalam bentuk dokumen, rekod atau bahan bagi menyokong pembelaan anda, jika ada. Jika salinan tersebut tidak dilampirkan bersama borang ini, pastikan ianya difailkan di Tribunal selewat-lewatnya 7 hari bekerja sebelum tarikh pendengaran. Pemfailan kepada Tribunal boleh dibuat di kaunter atau melalui e-mel di **dokumen.tags@kpwm.gov.my**. Salinan asal hendaklah dibawa semasa hari pendengaran.
3. Jika ruang yang disediakan tidak mencukupi, sila sambung pada kertas yang berasingan dan kepilkan bersama borang ini.

4. Setelah melengkapkan butir-butir, anda hendaklah menandatangani sendiri borang ini.

**Nota: Wakil (sahabat wakil/penjaga ad litem) hanya dibenarkan sekiranya anda belum mencapai umur 18 tahun atau tidak berkeupayaan.*

5. Setelah melengkapkan dan menandatangani borang ini, anda hendaklah mengemukakan borang ini dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan Borang 1 bersama dengan bayaran fi sebanyak RM10.00 kepada Tribunal. Tribunal akan memeterai dan mengembalikan sesalinan borang ini berserta resit kepada anda.

6. Anda hendaklah hadir di hadapan Tribunal pada tarikh pendengaran yang ditetapkan.

7. Jika anda gagal untuk memfailkan Pernyataan Pembelaan anda dalam tempoh yang ditetapkan atau gagal hadir di hadapan Tribunal pada tarikh pendengaran, maka Tribunal boleh membuat perintah/award tanpa merujuk kepada anda.

8. Anda tidak boleh diwakili oleh peguam bela dan peguam cara semasa pendengaran. Walau bagaimanapun, anda boleh memohon kepada Tribunal semasa pendengaran untuk diwakili oleh peguam bela dan peguam cara dengan syarat anda dapat menunjukkan bahawa perkara yang dipertikaikan melibatkan isu undang-undang yang rumit.
9. Sila bawa saksi, jika ada, semasa tarikh pendengaran untuk menyokong pembelaan anda.
10. Sila maklumkan kepada Tribunal sama ada anda memerlukan perkhidmatan jurubahasa isyarat atau jurubahasa asing selain Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris semasa pendengaran.

Sebarang pertanyaan berkaitan aduan ini, sila hubungi:

Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS),

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

No. Tel : 03-8323 2279

E-mel : care.tags@kpwm.gov.my